

3 bot nelayan ditahan tangguk benih kerang secara haram

Um 19/12/2022 MS:31

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**
utusannews@mediamulia.com.my

KANGAR: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kuala Perlis menahan tiga bot fiber yang dipercayai melakukan aktiviti menangguk benih kerang secara haram di sekitar perairan Kuala Sanglang, di sini, semalam.

Ketiga-tiga bot berkenaan ditahan di lokasi berbeza pada kedudukan 0.5 hingga 2.4 batu nautika dari barat laut Kuala Sanglang sekitar pukul 6.30 petang menerusi rondaan Op Aman.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd. Hashim Mat Zain berkata, hasil pemeriksaan awal mendapati semua bot berkenaan yang berpangkalan di Kedah itu melakukan aktiviti menangguk benih kerang secara haram di perairan negeri ini.

“Ketiga-tiga bot itu masing-masing dikemudikan oleh seorang tekong dan dua awak-awak warga tempatan berumur antara 30 hingga 68 tahun,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Mohd Hashim berkata, semua tekong, awak-awak, bot dan hasil tangkapan benih kerang dianggarkan



SALAH sebuah bot yang ditahan menerusi Op Aman selepas dipercayai melakukan aktiviti menangguk benih kerang secara haram di sekitar perairan Kuala Sanglang, Perlis, semalam - UTUSAN

bernilai RM80,820 dibawa masuk ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan selanjutnya.

Katanya, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 Seksyen 8 (a) kerana tiada nombor pendaftaran dan Seksyen 8 (b) Peraturan

8 kerana melanggar syarat sah lesen.

“Kerang amat penting dalam ekonomi dan ia menjadi penanda aras bagi kepelbagaian biodiversiti dan kelestarian sumber perikanan yang terdapat di perairan kita,” katanya.

Tambah beliau, pihaknya juga

memohon kerjasama orang ramai supaya dapat melaporkan segera sebarang kes penyeludupan dan jenayah maritim yang berlaku di perairan negeri ini.

“Sebarang laporan, aduan dan kecamasan di laut boleh terus hubungi APMM menerusi talian 24 jam iaitu MERS 999,” ujarnya